

TARIKH : 01.02.2019

AKHBAR : BERITA HARIAN

# RHB Research yakin potensi saham FGV

Unjuran baharu RM1.20 susulan prestasi kukuh portfolio semasa firma perladangan

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**R**HB Research menaikkan harga sasaran saham FGV Holdings Bhd (FGV) kepada RM1.20, peningkatan sebanyak 20 sen, susulan keduakan kukuh saham semasa firma perladangan itu.

Malah, unjuran harga sasaran baharu itu juga bersandarkan kedudukan positif organisasi berkenaan dalam perancangan dan hala tuju.

Menurut RHB Research, pihaknya yakin saham FGV akan melonjak terutama selepas pelupusan perniagaan bukan terasnya dan peningkatan keuntungan disebabkan inisiatif pemotongan kos serta unjuran kenaikan konsensus.

"Pengurusan baharu FGV perlu membuktikan keupayaannya dengan meneruskan pelaksanaan sasaran itu," kata firma penyelidikan itu dalam notanya, semalam.

FGV menyasarkan peningkatan pengeluaran buah tandan segar

(FFB) kumpulan mencecah 4.69 juta tan pada tahun kewangan 2019 berbanding 4.18 juta tan pada tahun kewangan 2018.

## Meningkat 10 peratus

Jumlah pengeluaran FFB itu juga disasarkan meningkat 10 peratus kepada 5.14 juta tan pada tahun kewangan 2020.

"Kami berpendapat unjuran itu adalah sasaran tinggi FGV dan menetapkan lima hingga tujuh peratus unjuran FFB untuk tahun kewangan 2019 hingga tahun kewangan 2020.

"FGV turut merancang penjimatian kos sebanyak RM150 juta, termasuk pengurangan kos daripada pengeluaran, serta kos overhed lain seperti kos perolehan dan kakitangan," katanya.

Ia juga menyasarkan pengurangan 10 peratus tenaga kerja bukan ladangnya dalam skim pemisahan bersama (MSS).

"Dengan mengandaikan semua sasaran itu dapat dipenuhi, FGV mampu mencapai sasaran penjimatian kos sebanyak RM150 juta.

Fakta nombor

4.69 JUTA

tan sasaran  
peningkatan  
pengeluaran buah  
tandan segar pada  
tahun kewangan 2019

RM3.65 BILION

permodalan pasaran  
FGV ketika ini

"RHB Research menganggarkan penjimatian kos antara RM50 juta hingga RM70 juta oleh FGV daripada MSS. Bagaimanapun kami masih mengekalkan unjuran kos unit lebih konservatif sebanyak RM1,600 hingga RM1,800 satu tan, memandangkan unjuran pertumbuhan FFB yang lebih lemah," katanya.

## Saham FGV RM1

Pada penutup semalam, saham FGV berada pada RM1. Permodalan dalam pasarananya ketika ini ialah RM3.65 bilion.

Minggu lalu, FGV mengumumkan pelantikan Datuk Haris Fadilah Hassan sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya yang baharu.

Haris, bekas Pengarah Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, mempunyai pengalaman luas dalam industri perladangan.

Beliau pernah menjadi Ketua Strategi dan Pembangunan Perniagaan di Golden Hope Plantations Bhd dan Ketua Operasi Hiliran di Sime Darby Plantation Bhd.